



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/6/2011

Najib minta PBB sokong Flotilla II

Israel digesa tak guna kekerasan terhadap misi ke Gaza

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak meminta sokongan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon terhadap misi antarabangsa Freedom Flotilla II ke Gaza.

Perdana Menteri berkata, misi Flotilla II hanya mahu menyampai bantuan kemanusiaan bagi mengurangkan kesengsaraan rakyat Palestin.

"Saya memohon kerjasama anda untuk mengadakan wakil daripada PBB untuk memeriksa semua vesel dan mereka yang terbabit bagi memberi jaminan kepada dunia terutama kerajaan Israel, bahawa mereka hanya meng-

angkut bantuan kemanusiaan," kata Najib dalam sepucuk surat kepada Ban.

Badan bukan kerajaan (NGO) Malaysia adalah antara ratusan sukarelawan dari pelbagai negara yang menyertai misi itu, termasuk 10 kapal.

Najib turut menggesa Ban meminta kerajaan Israel su-

paya tidak menggunakan kekerasan terhadap misi Flotilla.

"Saya percaya boleh wujud penyelesaian aman sekiranya kerajaan Israel membenarkan penghantaran bantuan kemanusiaan," katanya dalam surat itu.

Perdana Menteri berkata pelayaran itu adalah atas sebab kemanusiaan sempena pelbagai keputusan dan resolusi PBB terutama Resolusi Majlis Keselamatan 1860 (2009) PBB yang menyeru kepada 'peruntukan dan pengedaran tanpa sekatan bantuan kemanusiaan termasuk makanan, bahan api dan rawatan perubatan di seluruh Gaza'. - BERNAMA

